

Warga UMS manfaatkan Sehari Bersama LHDN

UB 11.4.2018 A8

KOTA KINABALU: Kira-kira 120 staf Universiti Malaysia Sabah (UMS) menghadiri program Sehari Bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) anjuran Jabatan Bendahari dan Jabatan Pendaftar, pagi Selasa.

Program itu bertujuan memberi pendedahan serta ruang kepada kakitangan UMS untuk mengetahui dengan lebih lanjut maklumat berkaitan cukai dan e-filing.

Menurut Pendaftar UMS No'man Hj Ahmad, adalah menjaditanggungjawab kepada semua kakitangan UMS untuk membayar cukai seperti yang dikehendaki.

"Saya meneru kakitangan UMS untuk membayar cukai agar kita dapat menjalankan tanggungjawab kita sekali gus dapat membantu masyarakat dan negara," katanya ketika berucap merasmikan program itu.

Beliau turut menyarankan Jabatan Bendahari dan Jabatan Pendaftar untuk menyemak serta meneliti semula kelayakan serta tangga gaji para kakitangan UMS agar mereka dapat menyelesaikan pembayaran cukai dengan mudah.


"Sebagai majikan, pihak UMS harus membantu para kakitangan untuk menyemak kelayakan potongan cukai berjadual (PCB) ini," katanya.

Program yang diadakan di Megalab Perpustakaan UMS itu turut menyediakan kaunter khidmat pelanggan daripada agensi-agensi seperti Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Pusat Zakat Sabah, LHDN, Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar, Kaunter Seksyen Perkhidmatan Kakitangan Jabatan Bendahari, Hospital UMS, Pusat Pelaburan dan Endowmen UMS, dan Pusat Alumni UMS.

Taklimat e-filing dan PCB turut disampaikan oleh tiga Pegawai



NO'MAN menyampaikan cenderamata kepada wakil dari LHDN.



NO'MAN melawat salah satu kaunter perkhidmatan yang disediakan pada program itu.

Khidmat Pelanggan dari LHDN Kota Kinabalu, Muliadi Mohtar, Munirah Ahmad dan Md Tarmizi Abdullah.

Hadir sama pada majlis itu ialah Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) UMS Prof

Madya Dr Raman Noordin, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan UMS Zawawi Tiyunin serta Timbalan Pengarah Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP) UMS Hj Firdaus Abdullah.